

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO SRI WILLIAM
MAWAN IKOM
[SARATOK]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menggunakan tenaga nuklear dalam usaha untuk mempelbagaikan sumber tenaga elektrik dalam Negara. Sekiranya ada, apakah tindakan yang telah diambil bagi merealisasikan hasrat ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan masih menerokai penggunaan tenaga nuklear untuk mempelbagaikan sumber tenaga elektrik negara.

2. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Organisasi Pelaksanaan Program Tenaga Nuklear (*Nuclear Energy Programme Implementing Organisation – NEPIO*) seperti disyorkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (*International Atomic Energy Agency – IAEA*). NEPIO ini adalah Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (*Malaysia Nuclear Power Corporation – MNPC*) yang telah ditubuhkan pada 7 Januari 2011 di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri.

3. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) 2011-2015, MNPC telah melaksanakan siri kajian yang meliputi empat aspek utama, iaitu:
 - (i) Kajian Perundangan dan Kawalseliaan, termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kawalseliaan Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Regulatory Infrastructure Development Plan - NPRIDP*) dan draf rang undang-undang tenaga atom yang baru dan komprehensif yang telah disiapkan pada tahun 2013;

- (ii) Penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan – NPIDP*) yang telah disiapkan pada tahun 2015;
- (iii) Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*) yang juga telah disiapkan pada tahun 2015; dan
- (iv) Kajian pendapat umum dan penyediaan Pelan Komunikasi Komprehensif mengenai tenaga nuklear yang telah disiapkan pada Ogos 2016.

4. Pelaksanaan kajian-kajian ini adalah berdasarkan garis panduan IAEA, terutamanya, "*Milestones in the Introduction of a National Nuclear Power Programme*" dan "*Evaluation of the Status of National Nuclear Infrastructure Development*". Garis panduan ini meliputi 19 isu infrastruktur serta tiga Fasa dan tiga Peristiwa Penting (*Milestones*).

5. Berdasarkan garis panduan IAEA ini, Malaysia dianggap masih berada di Fasa Satu, kerana belum mencapai *Milestone 1*, iaitu membuat keputusan dan komitmen berpengetahuan mengenai pembangunan program janakuasa nuklear. Namun, berdasarkan laporan awal Misi Kajian Infrastruktur Nuklear Bersepadu (*Integrated Nuclear Infrastructure Review – INIR*) untuk Fasa Satu oleh IAEA, Malaysia telah membangunkan asas pengetahuan yang bersesuaian dan bersedia untuk membuat keputusan yang berpengetahuan mengenai pembangunan tenaga nuklear.

6. Untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) 2016-2020, tumpuan utama adalah kepada komunikasi awam mengenai

keperluan dan perbekalan tenaga negara, termasuk tenaga nuklear dan sumber-sumber lain, serta pengubalan undang-undang kawalseliaan tenaga atom yang baru dan komprehensif, berdasarkan hasil kajian-kajian yang telah dilaksanakan dalam RMK10.

Sekian, terima kasih.